

15/11/1997

Peniaga tidak harus naikkan harga barang

KUANTAN, Jumaat - Peniaga di negeri ini tidak seharusnya menaikkan harga barangan dengan sewenang-wenangnya berikutan kejatuhan nilai mata wang sekarang.

Presiden Persatuan Pengguna Pahang (PAC), Mustapha Abdul Rahman, berkata kenaikan harga barangan akan membebankan dan memberi kesan lebih buruk kepada pengguna.

Justeru, menurutnya, PAC akan menganjurkan kempen penerangan kepada 6,000 ahli mengenai langkah yang perlu diambil dalam membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara serta mengelakkan harga barangan dinaikkan.

Beliau berkata, ahli persatuan dan orang ramai perlu mengetahui dengan jelas terhadap langkah yang perlu diambil ketika negara dilanda masalah berkenaan.

"Kita menekankan amalan berjimat cermat selain berbelanja secara sederhana dalam kempen itu nanti.

"Sungguhpun kempen berjimat cermat itu sudah lama dijalankan persatuan, tetapi ia perlu diperbaharui bagi meningkatkan ingatan pengguna," katanya, di sini.

Mustapha berkata, pengguna di Pahang dibahagi kepada tiga kategori iaitu pengguna atasan, pertengahan dan bawahan.

Pengguna peringkat atasan adalah golongan perlu dijadikan sasaran utama bagi menanamkan kesedaran supaya berjimat cermat manakala pengguna pertengahan lebih suka bersikap mengikut.

Golongan bawahan pula tidak mempunyai pilihan kerana mereka hanya membeli barangan yang dikira perlu.

Mustapha juga berkata, PAC menyokong usaha dijalankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menangani masalah kejatuhan nilai mata wang.

Mengulas kenyataan majalah Newsweek dan Time yang mencadangkan Dr Mahathir meletakkan jawatan, beliau berkata, kedua-duanya tidak mempunyai hak untuk berbuat demikian.

"Mereka sepatutnya tidak masuk campur kerana rakyat negara ini lebih berhak menentukan pemimpin mereka," katanya.

PAC meminta kerajaan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan perkara seperti itu tidak berlaku lagi pada masa depan.

(END)